

# Perbaiki kaedah penilaian PdP dalam talian di universiti

Oleh [Saiful Haizan Hasam](#) - September 21, 2021 @ 6:42pm

[saiful.haizan@bh.com.my](mailto:saiful.haizan@bh.com.my)



Gambar hiasan

KUALA LUMPUR: Kerajaan dan universiti awam perlu memperbaiki kaedah penilaian atau peperiksaan bagi pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam talian bagi mengelakkan kualiti graduan universiti dipertikai mana-mana pihak.

Presiden Kongres Persatuan Akademik Malaysia (MAAC), Profesor Datuk Dr Mohd Idrus Mohd Masirin, berkata ketiadaan kaedah yang diterima ramai boleh mengundang persepsi negatif daripada pihak industri atau institusi luar negara yang menjadi tempat graduan melanjutkan pelajaran.

Beliau memberi contoh keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang mencatatkan peningkatan dalam musim pandemik COVID-19 berbanding tahun sebelumnya yang menyebabkan masyarakat sangsi dengan kaedah penilaian.

"Cara penilaian boleh mempengaruhi bukan setakat kualiti pelajar tetapi persepsi bakal majikan atau institusi luar negara yang nak ambil mereka belajar.

"Penilaian berorientasikan peperiksaan tidak semestinya boleh memberi gambaran yang baik kepada pelajar. Sebab itu di kebanyakan universiti awam, ada subjek yang tidak memerlukan peperiksaan dan diganti dengan penilaian yang berterusan," katanya kepada BH, hari ini.

Semalam, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad mendedahkan 78.4 peratus pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT) mengakui tidak tertekan dengan PdP dalam talian yang dilaksanakan akibat pandemik COVID-19.

Katanya, kajian mendapati 90.4 peratus IPT bersedia meneruskan PdP secara dalam talian.

Beliau berkata, ia diperoleh melalui kajian kualiti PdP dalam talian ketika pandemik COVID-19 yang mula dilaksanakan 15 November tahun lalu.

Ditanya berkenaan cara untuk memastikan pelajar universiti benar-benar menyertai sesi PdP dalam talian sehingga tamat, Mohd Idrus mencadangkan satu kaedah standard wajar diperkenalkan.

Berkongsi pengalaman peribadinya, Mohd Idrus memberitahu beliau menggunakan kaedah kuiz di pertengahan atau penghujung sesi kuliah.

"Kalau mereka 'cabut lari', memang tak boleh jawab soalan, ini menyebabkan mereka hilang markah dan kita tahu mereka tidak berada dalam kuliah sepanjang masa," katanya.

Mengulas sama ada PdP dalam talian perlu diperkasakan walaupun selepas pandemik COVID-19 berakhir, beliau mengalu-alukannya jika dibuat secara hibrid iaitu gabungan kehadiran fizikal ke kelas dan secara dalam talian.

Katanya, melalui kaedah hibrid, yuran pengajian dapat dikurangkan sekali gus menepati falsafah pendidikan untuk semua.

Bagaimanapun, katanya, PdP dalam talian hanya sesuai untuk kursus seperti pengurusan dan sains kemasyarakatan, bukannya program teknikal seperti kejuruteraan dan sains yang memerlukan kehadiran di makmal.

"Sebagai jurutera, saya tidak bersetuju PdP dalam talian diteruskan (untuk kursus teknikal) selepas pandemik berakhir.

"PdP dalam talian hanya satu pilihan sewaktu pandemik. Ibarat orang sakit yang makan menggunakan tiub, apabila sudah pulih, mestilah makan dengan mulut dan suap sendiri," katanya.